



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

**KETETAPAN UMUM**

**LAYANAN CUKAI BERHUBUNG  
DENGAN TAMBANG PERCUTIAN**

**KETETAPAN UMUM  
NO. 1/2003**

**TARIKH KELUARAN: 5 Ogos 2003**



---

**KANDUNGAN**

	<b>Mukasurat</b>
1. Interpretasi	1
2. Manfaat tambang percutian yang tidak boleh ditaksir sebagai pendapatan penggajian	2
3. Manfaat tambang percutian yang boleh ditaksir sebagai pendapatan penggajian	3
4. Perbelanjaan tambang percutian yang dilakukan oleh majikan untuk pekerjanya	5

**KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Ketetapan Umum dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarikbalik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikanbalik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Malaysia**



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI  
MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI BERHUBUNG  
DENGAN TAMBANG PERCUTIAN**

**Ketetapan Umum No. 1/2003  
Tarikh Keluaran: 5 Ogos 2003**

- 
1. Ketetapan ini menjelaskan layanan cukai berhubung dengan:
    - (i) tambang percutian yang diperuntukkan kepada pekerja oleh atau bagi pihak majikannya sebagai suatu manfaat atau ameniti yang boleh dikenakan cukai di bawah laba atau keuntungan daripada sesuatu penggajian; dan
    - (ii) perbelanjaan yang dilakukan ke atas tambang percutian yang diperuntukkan kepada pekerja oleh majikan di dalam menentukan pendapatan larasan majikan tersebut.
  2. Peruntukan-peruntukan yang berkaitan adalah subperenggan 13(1)(b)(ii) dan perenggan 39(1)(m) **Akta Cukai Pendapatan 1967** [selepas ini disebutkan sebagai *Akta*].
  3. Perkataan-perkataan yang diguna pakai dalam Ketetapan ini memberi maksud berikut:
    - 3.1 "Ahli-ahli keluarga pekerja yang terdekat" bermaksud isterinya atau isteri-isterinya dan anak-anaknya atau suaminya dan anak-anaknya.
    - 3.2 "Anak" bermaksud anak sah atau anak tiri seorang individu atau isterinya atau seorang anak yang diambil sebagai anak angkat oleh individu atau isterinya menurut mana-mana undang-undang di mana Ketua Pengarah berpuashati tentang pengambilan anak tersebut sebagai anak angkat.
    - 3.3 "Kos tambang percutian" bermaksud kos tambang.
    - 3.4 "Majikan", berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud-
      - (a) tuan, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
      - (b) jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, ianya adalah orang yang membayar atau yang bertanggungjawab untuk membayar gaji pekerja yang digajikan, walaupun orang yang membayar dan pekerja itu adalah orang yang sama tetapi bertindak dalam kapasiti yang berlainan.
    - 3.5 "Pekerja", berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud-
      - (a) orang suruhan, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
      - (b) jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, ianya adalah pemegang pelantikan atau perjawatan yang menzahirkan penggajian tersebut.
    - 3.6 "Penggajian" bermaksud-
      - (a) penggajian, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI  
MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI BERHUBUNG  
DENGAN TAMBANG PERCUTIAN**

**Ketetapan Umum No. 1/2003  
Tarikh Keluaran: 5 Ogos 2003**

- 
- (b) mana-mana pelantikan atau perjawatan, sama ada terbuka atau sebaliknya dan sama ada atau tidak terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan, yang mana saraan kena dibayar.
- 3.7 "Tambang percution" bermaksud perjalanan semasa tempoh ketidakhadiran atau percution daripada tugas atau penggajian.
- 3.8 "Tambang percution dalam negeri" bermaksud perjalanan dalam Malaysia.
- 3.9 "Tambang percution luar negara" bermaksud perjalanan di antara Malaysia dan mana-mana tempat di luar Malaysia.
4. Pada amnya, mana-mana manfaat atau ameniti yang diperuntukkan kepada pekerja oleh atau bagi pihak majikannya akan dikenakan cukai sebagai laba atau keuntungan daripada penggajian.
5. Subperenggan 13(1)(b)(ii) Akta memperuntukkan bahawa bukan kesemua manfaat dalam bentuk tambang percution akan diambil kira sebagai pendapatan yang boleh ditaksir ke atas pekerja.
6. Mana-mana perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan bagi menyediakan manfaat atau ameniti untuk pekerja yang merupakan tambang percution dalam atau luar Malaysia tidak dibenarkan sebagai potongan di dalam menentukan pendapatan larasan majikan tersebut [perenggan 39(1)(m) Akta].
7. Ketetapan ini memberikan garis panduan berhubung dengan:
- 7.1 keadaan-keadaan di mana manfaat atau ameniti dalam bentuk tambang percution tidak digolongkan sebagai pendapatan penggajian yang boleh ditaksir;
- 7.2 situasi-situasi atau keadaan-keadaan di mana manfaat atau ameniti dalam bentuk tambang percution boleh dianggap sebagai laba atau keuntungan daripada penggajian dan dikenakan cukai pendapatan di bawah perenggan 13(1)(b) Akta; dan
- 7.3 layanan cukai bagi perbelanjaan tambang percution sama ada dalam atau luar Malaysia yang dilakukan oleh majikan bagi manfaat pekerja sebagai suatu potongan yang tidak boleh dibenarkan di bawah peruntukan Akta.
8. **Manfaat tambang percution yang tidak boleh ditaksir sebagai pendapatan penggajian**
- Manfaat dalam bentuk tambang percution tidak boleh ditaksir sebagai pendapatan penggajian dalam keadaan-keadaan berikut:
- (i) tambang percution bagi perjalanan dalam Malaysia yang tidak melebihi tiga kali dalam mana-mana tahun kalendar; atau



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI  
MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI BERHUBUNG  
DENGAN TAMBANG PERCUTIAN**

**Ketetapan Umum No. 1/2003  
Tarikh Keluaran: 5 Ogos 2003**

---

(ii) satu tambang percutian untuk perjalanan di antara Malaysia dan mana-mana tempat di luar Malaysia dalam mana-mana tahun kalendar, terhad kepada nilai maksimum tiga ribu ringgit Malaysia.

Manfaat tambang percutian itu terpakai hanya kepada pekerja dan ahli keluarganya yang terdekat.

*Contoh 1*

Encik Abdullah layak menikmati manfaat tambang percutian tahunan sebanyak RM5,000.00 mengikut terma perjanjian penggajiannya. Pada Januari 2003, beliau melancong ke Mauritius dan menuntut kos tambang percutian sebanyak RM2,500.00.

*Encik Abdullah dikecualikan daripada cukai untuk manfaat tambang percutian sebanyak RM2,500.00 dalam tahun 2003 bagi tahun taksiran 2003.*

*Contoh 2*

Encik Ng layak menikmati manfaat tambang percutian tahunan sebanyak RM5,000.00 daripada majikannya. Beliau menggunakan manfaat itu untuk melancong ke Pulau Pinang bersama-sama isteri dan dua orang anaknya semasa cuti persekolahan sempena musim perayaan dalam bulan Januari 2003. Keseluruhan ahli keluarga Encik Ng juga melancong ke Singapura dalam bulan Mac 2003. Majikan beliau membayar beliau sejumlah RM500.00 bagi kos tambang percutian dalam negeri dan RM1500.00 bagi kos tambang percutian luar negara.

*Encik Ng adalah dikecualikan daripada cukai bagi kedua-dua manfaat tambang percutian dalam negeri dan luar negara sebanyak RM2,000.00 dalam tahun 2003 bagi tahun taksiran 2003.*

*Contoh 3*

Puan Salmah layak menikmati manfaat tambang percutian dalam negeri setiap tahun sebanyak RM6,000.00 mengikut terma-terma perjanjian penggajiannya. Dalam tahun 2003, Puan Salmah bersama suami dan enam orang anak mereka melancong ke tiga destinasi berasingan iaitu Kuching, Kota Kinabalu dan Melaka dan beliau menuntut kos tambang percutian sebanyak RM5,500.00 daripada majikan beliau.

*Puan Salmah adalah dikecualikan daripada cukai bagi ketiga-tiga manfaat tambang percutian dalam negeri sebanyak RM5,500.00 dalam tahun 2003 bagi tahun taksiran 2003.*

**9. Manfaat tambang percutian yang boleh ditaksir sebagai pendapatan penggajian**

Manfaat tambang percutian yang diterima oleh pekerja daripada majikannya, yang tidak termasuk di bawah perenggan 8 di atas, adalah dikenakan cukai di bawah perenggan 13(1)(b) Akta sebagai laba atau keuntungan daripada penggajian.

*Contoh 4*



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI  
MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI BERHUBUNG  
DENGAN TAMBANG PERCUTIAN**

**Ketetapan Umum No. 1/2003  
Tarikh Keluaran: 5 Ogos 2003**

---

Dengan menggunakan Contoh 1 di perenggan 8, Encik Abdullah dan isterinya juga melancong ke Indonesia dalam tahun 2003, yang mana berhubung dengan percutian tersebut, beliau menuntut kos tambang percutian sebanyak RM1,500.00 daripada majikannya.

*Encik Abdullah adalah dikenakan cukai ke atas manfaat tambang percutian luar negara sebanyak RM1,500.00 dalam tahun 2003 bagi tahun taksiran 2003. (Nota: Jika terdapat dua atau lebih tambang percutian ke luar negara di dalam tahun yang sama, kos tambang percutian yang tertinggi adalah dikecualikan terhadap kepada nilai maksimum RM3,000.00).*

*Contoh 5*

Encik Chelliah layak menikmati manfaat tambang percutian luar negara setiap tahun sebanyak RM4,000.00 daripada majikannya. Dalam tahun 2003, beliau menggunakan manfaat ini untuk melancong ke Australia ditemani oleh bapanya. Kos tambang percutian luar negara tersebut berjumlah RM2,000.00 setiap seorang dan majikan beliau membayar kepada beliau sejumlah RM4,000.00 untuk perjalanan ini.

*Encik Chelliah adalah dikecualikan daripada cukai bagi manfaat tambang percutian luar negara sebanyak RM2,000.00 bagi dirinya dalam tahun 2003 bagi tahun taksiran 2003. Beliau akan dikenakan cukai di atas baki amaun kos tambang percutian yang dibelanjakan ke atas bapanya.*

*Contoh 6*

Puan Rina layak menikmati manfaat tambang percutian luar negara setiap tahun sebanyak RM10,000.00 dan tambang percutian dalam negeri sebanyak RM5,000.00 mengikut terma perjanjian penggajiannya. Dalam tahun 2003, Puan Rina melancong ke luar negara bersama suaminya ke Itali dan beliau menuntut kos tambang percutian luar negara sebanyak RM7,500.00. Beliau juga melancong ke empat destinasi tempatan iaitu ke Pulau Langkawi, Pulau Tioman, Pulau Pangkor dan Pulau Redang bersama-sama suami dan tiga orang anaknya dalam tahun 2003 dan beliau menuntut kos tambang percutian dalam negeri sebanyak RM500.00 bagi setiap destinasi.

*Puan Rina adalah dikecualikan daripada cukai bagi manfaat tambang percutian luar negara sebanyak RM3,000.00 dalam tahun 2003 bagi tahun taksiran 2003, tetapi akan dikenakan cukai ke atas baki amaun RM4,500.00. Beliau juga adalah dikecualikan daripada cukai bagi tiga manfaat tambang percutian dalam negeri berjumlah RM1,500.00 dalam tahun 2003 bagi tahun taksiran 2003, tetapi akan dikenakan cukai ke atas baki amaun manfaat tambang percutian dalam negeri. (Nota: Jika terdapat empat atau lebih tambang percutian dalam negeri dalam tahun yang sama, tiga kos tambang percutian yang tertinggi adalah dikecualikan).*



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI  
MALAYSIA

LAYANAN CUKAI BERHUBUNG  
DENGAN TAMBANG PERCUTIAN

**Ketetapan Umum No. 1/2003**  
**Tarikh Keluaran: 5 Ogos 2003**

**10. Perbelanjaan tambang percutian yang dilakukan oleh majikan untuk pekerjanya**

10.1 Mana-mana perbelanjaan yang dilakukan di dalam menyediakan manfaat atau ameniti tambang percutian di dalam atau di luar negeri oleh majikan kepada pekerjanya tidak layak diberikan potongan dalam menentukan pendapatan larasan perniagaan majikan oleh kerana perbelanjaan ini tidak dibenarkan secara khusus di bawah perenggan 39(1)(m) Akta.

10.2 Di mana kos tambang percutian yang diberikan oleh majikan kepada pekerja termasuk kos makanan, penginapan atau lain-lain perbelanjaan sampingan, hanya amaun yang berkaitan dengan tambang sahaja dianggap sebagai kos tambang percutian.

10.3 Kos makanan dan penginapan dibenarkan sebagai perbelanjaan keraian dalam menentukan pendapatan larasan perniagaan majikan. Amaun yang layak diberikan potongan terhad kepada amaun yang dibelanjakan ke atas pekerjanya sahaja.

*Contoh 7*

Majikan Encik Robin membayar kepada beliau kos tambang percutian ke luar negara untuk melancong ke Australia di bawah satu pakej pelancongan dalam tahun 2003. Kos tambang kapal terbang adalah RM2,000.00 manakala kos penginapan pula berjumlah RM1,000.00.

*Majikan Encik Robin tidak diberikan potongan bagi kos tambang kapal terbang sebanyak RM2,000.00 tetapi adalah diberikan potongan bagi kos penginapan sebanyak RM1,000.00 dalam tahun 2003 bagi tahun taksiran 2003. Encik Robin adalah dikecualikan daripada cukai bagi kos tambang percutian ke luar negara sebanyak RM2,000.00.*

11. Manfaat tambang percutian di mana ia diberikan kepada ahli kongsi atau peniaga tunggal tidak layak mendapat pengecualian cukai. Syarat di mana manfaat tambang percutian dihadkan kepada pekerja tidak dipenuhi oleh kerana hubungan di antara ahli kongsi dan perkongsian atau peniaga tunggal dengan dirinya adalah berbeza daripada hubungan di antara majikan dan pekerjanya.
12. Dalam kes perkongsian atau perniagaan tunggal, perbelanjaan yang dilakukan bagi kos tambang percutian ke atas ahli kongsi atau peniaga tunggal tidak layak diberikan pengecualian oleh kerana ianya berbentuk peribadi. Oleh itu, perbelanjaan yang dituntut tidak boleh dibenarkan di dalam mengira bahagian pendapatan ahli kongsi daripada perkongsian atau pendapatan larasan perniagaan bagi seorang peniaga tunggal.
13. Ketetapan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003 dan tahun-tahun taksiran seterusnya.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI  
MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI BERHUBUNG  
DENGAN TAMBANG PERCUTIAN**

**Ketetapan Umum No. 1/2003  
Tarikh Keluaran: 5 Ogos 2003**

---

**Ketua Pengarah  
Hasil Dalam Negeri**